PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 8 BILANGAN 2 | RABU 23 JANUARY 1963 (27 SHA'ABAN 1382). | PERCHUMA

RANCHANGAN MALAYSIA:

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Merasa Yakin Ranchangan Itu Sangat-Lah Baik

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah melalui Radio Brunei pada 21 January, 1963 bahawa dengan kerana penderhakaan terhadap Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda telah tamat, maka tentu-lah ra'ayat Baginda sekarang ini sedang menunggu2 hendak mengetahui pendapat Baginda "tentang masa hadapan Negeri kita yang di-kasehi—Brunei."

"Ini-lah satu perkara yang penting sekali yang telah lama Beta fikir2kan kerana hal ini akan menyentoh kehidupan dan kebahagiaan kita semua bagi masa yang akan datang", titah Baginda.

Berkenaan dengan Malaysia, Duli Yang Maha Mulia merasa yakin bahawa ranchangan itu sangat-lah baik.

"Pendapat ini," titah lagi Baginda, "ada-lah ternyata dari keputusan yang telah di-buat oleh Majlis Meshuarat Negara pada 18 Julai, 1962, ia-itu sa-belum dari meletus-nya pen-

DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN.

derhakaan, bahawa Brunei bersetuju pada dasar-nya untok menyertai Malaysia sakira-nya sharat2 bagi kemasokan-nya dalam Persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak kita dan boleh mendatangkan faedah kapada kita.

Kita telah berchadang iaitu selepas sahaja di-buat keputusan dalam Majlis Mashuarat Negeri itu, maka perundingan2 sechara yang lebeh luas hendak di-adakan di-antara Kerajaan Beta dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-atas kemunkinan Negeri Brunei menyertai dalam Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu.

Bagi menghasilkan tujuan ini maka satu perwakilan telah di-hantarkan ka-Tanah Melayu untok merundingkan chadangan itu, tetapi sa-belum dari sebarang persetujuan dapat di-chapai satu pemberontakan telah timbol — Ini-lah sebab-nya yang telah berlaku kelambatan.

Sekarang Beta berchadang hendak menghantarkan satu perwakilan dengan seberapa segera yang boleh untok menyambong perbinchangan dengan Kerajaan Persekutuan, untok memereksa masaalah2 yang berkaitan dan merangka satu persatu susunan sokongan mereka yang mengenai dengan sharat2 yang mustahak bagi mendatangkan faedah kapada Brunei dan ra'ayat-nya, dan yang penting sekali sharat2 yang dapat bagi menjaminkan keselamatan Negeri ini."

Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-jangka Berchemar Duli ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin untok menyaksikan Peraduan Akhir Bacha'an Al-Koran Sa-Negeri Brunei.

Baginda juga munkin menyampaikan hadiah2 kapada Khari2 dan Khariah2 yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Peraduan bachaan Al-Koran itu akan di-adakan di-pekerangan Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam2 30 dan 31 January, 1963.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un akan merasmikan pembukaan peraduan tersebut pada pukul 8.30 malam 30 January.

Peraduan itu di-bahagikan kapada empat bahagian, ia-itu bahagian2 orang2 dewasa lelaki, orang2 dewasa perempuan kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan.

Khari2 dan Khariah2 yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam tiap2 bahagian tersebut dari Daerah2 Temburong, Brunei/Muara, Tutong dan Belait akan mewakili daerah masing2 di-upachara peraduan akhir bacha'an Al-Koran Sa-Negeri Brunei.

Khari2 yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam peraduan akhir bahagian orang2 dewasa lelaki akan mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bacha'an Al-Koran Antara Bangsa yang akan di-langsongkan di-Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu mulai dari 10 February hingga ka-14 February, 1963.

Ranchangan Memajukan Kawasan2 Luar Bandar

BANDAR BRUNEI.—Pekerjaan membena jalan2 kampong di-bawah satu ranchangan memajukan kawasan2 diluar bandar ini akan di-mulakan sa-lepas sahaja orang2 mempunyai tanah bersetuju menjual tanah itu kapada Kerajaan Brunei.

Mengikut penyiasatan awal yang telah di-lakukan oleh Kerajaan, telah membuktikan bahawa kebanyakkan orang2 yang mempunyar tanah itu bersetuju supaya Kerajaan membeli tanah2 itu dan ada juga sabilangan kechil dari mereka yang akan di-beri tahu bahawa Kerajaan terpaksa membeli tanah2 mereka juga.

Keputusan Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei/Muara

BANDAR BRUNEI. — Inche Sabtu bin Ahmad dari Kampong Kiarong, Brunei dan Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar dari Kampong Kianggeh, Brunei akan mewakili Daerah Brunei/Muara dalam Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei Bahagian Lelaki Dewasa pada penghujong bulan ini.

Perlu di-beritakan bahawa Inche Sabtu telah di-pileh mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bacha'an Al-Koran Antara-Bangsa di-Malaya dalam tahun 1961, manakala Pengiran Mohidi pula telah di-pileh mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bacha'an Al-Koran Antara-Bangsa di-Malaya dalam tahun 1962.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei Muara telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada 18 dan 20 January, 1963.

Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah menyampaikan hadiah2 kapada Khari2 dan Khariah2 yang berjaya dalam peraduan tersebut sa-baik sahaja selesai peraduan itu pada petang hari Ahad Yang lalu.

Keputusan2 penoh peraduan tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini.

Bahagian Lelaki Dewasa: 1 Inche Sabtu bin Ahmad, Kampong Kiarong, Brunei, 2 Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar, Kampong Kianggeh, Brunei 3 Inche Abdullah bin Metasan, Kampong Kumbang Pasang, Brunei.

Bahagian Perempuan Dewasa: 1 Puan Noraini binte Haji Adenan, Kampong Burong Pingai Berakas, Brunei, 2 Dayang Timbang binte Awang Besar, Kampong Sungai Keda yan, Brunei, 3 Dayang Asmah binte Mohamed Tahir, Kampong Hujong Bukit, Brunei.

Bahagian Kanak2 Lelaki: 1, Abdul Wahab bin Junid, Kampong Setia Pahlawan Lama, Brunei, 2 Wasli bin Haji Bakar, Kampong Lorong Sikuna, Brunei, 3 Mohamed Taib bin A. Yahya, Kampong Lorong Sikuna, Brunei.

Bahagian Kanak2 Perempuan: 1 Aishah binte Sabtu Kampong Kiarong, Brunei, 2 Mastura binte Awang Salleh, Sekolah Ugama Berakas Brunei, 3 Hajijah binte Awang Ismail, Sekolah Ugama Berakas, Brunei.

Perusahaan Kayu Dan Kilang Papan Berjalan Sa-Mula

KUALA BELAIT. — Pehak Pulis di-Kuala Belait telah mengambil langkah memberi surat2 kebenaran kapada semua pekerja kayu dalam Daerah Belait supaya membolehkan perusahaan kayu dan kilang papan berjalan sa-mula. Demikian menurut keterangan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Perusahaan itu telah terhenti berikutan dengan penderhakaan yang telah berlaku di-negeri ini dan juga sa-telah perentah berkurong di-kuatkuasakan.

Pengiran Momin juga telah menyatakan bahawa untok menentukan supaya bekalan makanan dapat di-adakan bagi pekerja2 kayu dalam hutan2 yang di-beri lesen kerja dalam daerah itu, maka beliau telah membenarkan supaya peratoran di-buat untok membekalkan pekerja2 itu dengan makanan.

Chuma satu sahaja sharat yang pekerja2 kayu itu mesti patuh, kata beliau, ia-itu hendak-lah mereka memberi tahu kapada pehak Pulis atas pergerakan mereka juga mengenai butir barang2 makanan yang di-perbekalkan.

Pengiran Momin juga berkata bahawa semua jalan2 raya dan jalan2 sungai di-Daerah Belait telah di-buka kapada lalu lintas sa-lama 24 jam sa-hari. Nelayan2 pula boleh pergi kalaut saperti masa sa-belum berlaku penderhakaan di-negeri ini.

Sa-bagai satu langkah berjaga2, tegas-nya lagi, tempat2 memereksa perlu juga di-adakan di-beberapa tempat yang tertentu. Tempat2 ini akan di-ketepikan nanti apabila sahaja keadaan tidak memerlukan-nya lagi.

BANTUAN KERAJAAN

TUTONG. — Sa-ramai keluarga dalam Daerah Tutong yang memerlukan bantuan telah di-berikan kapada mereka di-bawah satu ranchangan bantuan Kerajaan semenjak darurat di-ishtiharkan di-negeri ini.

Mereka ada-lah mengandongi keluarga2 orang2 yang di-tahan dan keluarga2 orang2 yang di-shakki menjadi penderhaka2 serta orang2 yang tidak dapat pergi bekerja di-sebabkan darurat.

Peguam Negara Brunei Yang Baharu

BANDAR BRUNEI.—Inche Idris Talog Davis dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang2 Malaya telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada pagi 13 January, 1963 untok berkhidmat sa-bagai Peguam Negara Brunei.

Sa-belum datang ka-Brunei, Inche Idris telah memegang berbagai2 jawatan yang mustahak mengenai Undang2 di-Malaya, di-antara-nya ia-lah sa-bagi Penasehat Undang2 Negeri2 Kelantan dan Trengganu.

Inche Idris telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Malaya kapada Kerajaan Brunei untok masa yang singkat bagi menggantikan Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain.

Dato Abdul Aziz telah berkhidmat sa-bagai Peguam Negara Brunei sa-menjak bulan September 1961. Beliau dan keluarga telah balek ka-Malaya pada 17 January.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini di-bangunan Pejabat2 Kerajaan ketika di-adakan Persidangan Akhbar pada masa darurat sedang berkemonchak dalam bulan Desember 1962 Wartawan2 dari luar negeri telah hadhir di-Persidangan Akhbar itu. Perkenalan dari kiri-Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White, Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim (dudok di-belakang Baginda); D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman dan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma,un.

BERIBU2 ORANG MENYEMBAHKAN IKRAR TA'AT SETIA KAPADA DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyembah uchapan2 ikrar ta'at setia kapada Baginda baharu2 ini.

Di-antara pendudok2 itu ia-lah saperti di-bawah ini:

Pendudok2 kampong Burong Pingai, Kampong Ayer. Ketua Kampong-nya ia-lah Khatib Haji Mohsin bin Khatib Othman.

Pendudok2 Kampong Burong Pingai, Berakas. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Mohamad Yusof bin Dato Imam Haji Mokti.

Pendudok2 Kampong Tilong, Manggis, Madang, Sungai Akar dan Sarang Gagak. Ketua Kampong-nya ia-lah Tuan Haji Abdul Rahman bin Mansor.

Pendudok2 Kampong Pandai Besi "B". Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Bakar bin Awang Chuchu.

Pendudok2 Kampong Batu Marang. Ketua Kampong-nya ia-lah Pengiran Kahar bin Pengiran Haji Besar.

Pendudok2 Kampong Saba Darat "C". Wakil-nya ia-lah Pateh Haji Tengah bin Haji Ibrahim Pendudok2-nya seramai 604 orang.

Pendudok2 Kampong Salam Bigar, Jalan Muara. Wakil-nya ia-lah Dato Seri Leila Abdul Samad bin Sahab. Pendudok2-nya seramai 166 orang.

Pendudok2 Kampong Tanjong Bunot. Wakil-nya ia-lah Tuan Haji Sapar bin Orang Kaya Talib. Pendudok2-nya seramai 128 orang.

Pendudok2 Kampong Putat. Wakil-nya Awang Karim bin Awang Othman. Pendudok2-nya seramai 96 orang.

Keputusan Pepereksaan Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Dua ratus dua puloh enam orang dewasa yang bukan Melayu telah mengambil pepereksaan Bahasa Melayu yang telah di-adakan di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait selama tiga hari mulai dari 3 Desember, 1962. 171 orang daripada mereka telah lulus dalam pepereksaan itu.

Pepereksaan itu telah di-bahagikan kapada empat tingkatan ia-itu Tingkatan2 Permulaan, Pertama Kedua dan Tingkatan Ketiga.

Jumlah penuntut2 yang mengambil pepereksaan dan yang telah lulus dalam tiap2 tingkatan ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

Tingkatan III: 45 orang telah mengambil pepereksaan dan 40 orang telah lulus.

Tingkatan II: 45 orang telah mengambil pepereksaan dan 42 orang telah lulus.

Tingkatan I: 121 orang telah mengambil pepereksaan dan 82 ng telah lulus.

Tingkatan Permulaan: 15 orang telah mengambil pepereksaan dan 7 orang telah lulus.

Penuntut2 yang telah lulus dalam tiap2 tingkatan tersebut ada-lah saperti berikut:

TINGKATAN III

1 Chen Kui Fah, 2 Teo Ah Hoon, 3 Chua Kong Ann, 4 Rosalind Chin, 5 Roderick Yong, 6 Chiam Eng Seng, 7 Yong Hin Nam, 8 Peter Lee, 9 Chua Kong Leng, 10 Enid Wan.

11 Chua Kong Soong, 12 Lee Thian Soong, 13 Flora Loo, 14 Lo Kei Vui, 15 Daniel F. K. Wong, 16 Winifred E. Wainwright 17 Andrew Lai Eng Soon, 18 Chua Kong Seng, 19 Anthony S. Newn, 20 Charlie Keasbery.

21 Peter Poh, 22 Wong Ah Fatt, 23 Lim Kim Huat, 24 Chin Tshoon Chong, 25 Cecilia Ho, 26 Anthony Low Joon Huat, 27 Simon Yen, 28 Chin Chi Chong, 29 Richard Lai Thian Soo, 30 Tan Kwok Leung.

31 Theresa Lim, 32 Yong Fook Onn, 33 Johnny Chong Min Fui, 34 Soo Ho Cheng, 35 Patrick Kong, 36 Michael Chong Khim Fah, 37 Chua Ah Seng, 38 Minoo K. Fozdar, 39 Teo Geok Ho, 40 Lim Hui Tin.

TINGKATAN II

1 Anthony Chin, 2 E. Wee Siew Keng, 3 Douglas Cheok Hock Hoi, 4 Lim Chui Eng, 5 Ng Chen Yew, 6 Cheong Teck Lee, 7 Ang Kwang Joo, 8 Lorna Chai Mui Kuang, 9 Yong Than Nyen, 10 Christophen Chin Nyuk Foon.

11 Tan Koon Tiang, 12 Lau Suk Chin, 13 Wong Teck Liang, 14 Liew Shui Hua 15 P. N. Nair, 16 Jacob Thane, 17 Rose Yapp, 18 Joseph Lee, 19 Lim Kim Tee, 20 Shirley Yee Ai Poh.

21 Low Joon Poh, 22 Mrs. Helen Liew, 23 Kueh Guat Hong, 24 Shim Chin Wee (Poyut), 25 Chin Yun Sang, 26 Mr. Liew Thian Khoon, 27 Teo Ah Chiok, 28 Doria Han Juat Ngoh, 29 Damian Chai Han Yuk, 30 Leong Seong Cheong.

31 Emily Chin, 32 Peter Phan, 33 Rachel Han, 34 Stanley Cheong, 35 Michael Laisok Abun, 36 Edmund Keasberry, 37 Ng Chen Kee 38 Lai Foo Yin, 39 Janet Yong, 40 Leong Yin Siew, 41 Henry Ng 42 Ruth Chu Oi Chin.

TINGKATAN I

1 Juliana Leong, 2 Wong Swee Lan, 3 Magdalena Wong, 4 Mak Poh Chin, 5 Joan Yoong, 6 Jacinta Lim, 7 Ong Hui Ting, 8 Regina Chong, 9 Rufa M. Dayon, 10 Stephanie Julia (MacImtyre).

11 Sung Su Yin, 12 B. Berthoud, 13 Colleen Philomena Peters, 14 Patricia Liew Poh Yee, 15 Leong Yat Chor, 16 Albert Graeme, 17 M. Veerasamy, 18 Charles Tann, 19 Benjamin Yapp, 20 Liew Su Min.

21 Chong Kon Fah, 22 Chung Su Kiong, 23 Augustine Lee Bonn Sen, 24 Lau Kim Seng, 25 Bong Ah Kui, 26 Wong Chee Fui, 27 J. L. Speedy, 28 Chu En Loi, 29 Lee Ah Fon, 30 Grace Kok Siew Chin.

31 Helen Lim, 32 Augustine Wong Chee Wui, 33 Helen Wong Lin Nyuk, 34 Ong Yang Siah, 35 Han Wui Lin, 36 Hanry Kon Yau Fui, 37 Wang Wan Siah, 38 Patrick Yan Hon Wing, 39 Loke Yue Pak, 40 Chin Yun Luke.

41 George Chang Sang Heng, 42 S. Nithiangathan, 43 Kwok Siu Wai, 44 Chu Ize Chin, 45 Yee Chung Tan, 46 Chiew Lan Fong, 47 Yap Fong Seng, 48 Anna Chong, 49 Chung Siew Ying, 50 Kathleen Tang Kui Ping.

51 Leong Siew Fong, 52 Kwan Mong Chuang, 53 Yapp Choi Chin, 54 John J. M'Clorey, 55 Sipun bin Luyong, 56 Goh Seng Yeh, 57 Lily Chin, 58 Lau Chee Meng, 59 Leong Cho Kwan, 60 Koo Chew Len.

61 Florence Chin, 62 Sirina Chong Set Moi, 63 William Tan, 64 Thomas Chong, 65 Yeow Tuk Hin, 66 David Chiew, 67 Wong Chai Ing, 68 Wong Chin Chew, 69 Lee Yuiet Fah, 70 Yong Ah Poh.

71 Leong Yek Ying, 72 Chu Poh Thing, 73 Cathereni Hiew, 74 Lim Hock Siong, 75 V. K. George, 76 Solomon Soo, 77 Brigid Lim, 78 Frances Teo Guek Inn, 79 Annie Wong, 80 Michael Thien Wee Foo, 81 Francis A. Lim, 82 M. Noor Muhammad.

TINGKATAN PERMULAAN

1 Leong Nyuk Ching, 2 Micheal B. James, 3 Lau Soo Ha, 4 Alice Ng, 5 Sung Yeok How, 6 Elizabeth Yong, 7 William Chow.

Waktu Bekerja Dalam Bulan Puasa

BANDAR BRUNEI. — Waktu bekerja bagi Pejabat2 Kerajaan di-seluroh Negeri Brunei dalam Bulan Puasa ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Isnin, Selasa, Rabu, Kamis dan Sabtu dari pukul 8 pagi hingga ka-pukul 2.30 petang.

PEJABAT PENCHEN NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Penchen Negara telah pindah dari bangunan Dewan Kemasharakatan di-Bandar Brunei ka-Pejabat Kewangan di-bangunan Pejabat Besar Kerajaan di-sini baharu2 ini.

Kerja Kosong:

MANDOR

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untok di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei:—

MANDOR—Satu jawatan kosong di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, dan satu lagi jawatan kosong di-Maktab Anthony Abell, Seria.

KELAYAKAN: Pemohon2 mesti-lah berumor lebeh dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman menjaga kuli2 yang menjaga kebersehan padang permainan, kebun bunga, memotong rumput, dan lain2-nya.

GAJI: Dalam tingkatan gaji F. 3-4-5-6, $155-158-160-18x4-200.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 February, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

PEJABAT PERPINDAHAN KAMPONG AYER

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Perpindahan Kampong Ayer telah pindah ka-Pejabat 'Adat Istiadat di-bangunan Pejabat Besar Kerajaan di-Bandar Brunei sadikit hari dahulu.

Penderhaka2 Partai Ra'ayat . Brunei Merasai 'Azab Dunia Ramai Mereka Terbunoh— Di-Mana-kah Kubor Mereka-itu?

BANDAR BRUNEI. — "Beberapa hari ini kita sakalian sama2 telah melihat 'azab dunia yang sedang di-rasai oleh penderhaka2 Partai Ra'ayat Brunei itu. Ramai mereka telah terbunoh.....mati tidak tahu di-mana kubor-nya. Ramai keluarga yang menchuchorkan ayer mata ..... Mana2 penderhaka yang maseh hidup, sebahagian besar-nya telah menyerah diri dan sedang meringkok di-dalam tahanan dan ramai lagi kalau maseh hidop, lari ka-hutan2 untok hidop chara liar.....". Demikian kata Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf melalui Radio Brunei baharu2 ini.

Dalam uchapan tersebut Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata, "Didalam satu Ayat Suchi Alquraan, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi amaran dan peringatan bahawa Allah akan memberi rasa akibah kebinasaan dan haru-hara yang di-lakukan oleh manusia kapada si-pembuat-nya itu sendiri.

Firman Allah bahawa telah timbul beberapa kejahatan dan kebinasaan di-darat dan di-laut yang di-lakukan oleh tangan manusia sendiri dan kesangsaraan ini Allah akan berj rasa kapada orang2 yang menimbulkan kejahatan itu sendiri samoga mereka insaf dan kembali ka-jalan yang benar (Ayat 41 Surat Al-rum).

Di-dalam satu lagi ayat suchi, Allah sekali lagi memberi amaran kapada orang2 Islam khas-nya, ia-itu ayat 93 Surat Al-nisa yang maksud-nya bahawa barang siapa membunoh sa-orang mo'min (Islam) dengan senghaja atau dengan ranchangan-nya, maka balasan-nya ialah di-masokkan dia kekal didalam Neraka Jahanam. Allah mela'natkan dia dan murka kapada-nya dan di-sediakan bagi-nya 'azab sangsara yang amat pedih.

AZAHARI MENERUSKAN CHITA2 IBLIS-NYA

Saudara2 raayat dan Pendengar sakalian, Kedua-dua amaran dan peringatan Allah ini-lah yang tidak di-indahkan oleh Shaikh Azhari bahkan dia terus menentang Allah dan amaran Allah lalu meneruskan chita2 iblis-nya menimbulkan huru-hara, ketakutan dan kebinasaan di-dalam negara kita dengan membunoh jiwa manusia kerana dia mau menjadi pemerentah.

Azhari dan Partai Ra'ayat-nya telah mendidik dan mengasoh ra'ayat kapada faham kesumbongan yang bodoh dan sukakan kekerasan yang tidak berpandu kapada Peri Kamanusiaan dan Ugama. Saya chukop yakin, walau pun umpama-nya Azhari berkuasa hari ini menjadi "Maharaja" Negeri Brunei barang di-jauhkan Allah, esok-nya ra'ayat yang di-ajar-nya kapada kebodohan dan keganasan itu-lah juga akan membunoh Azhari sendiri dan merampas kuasa itu dari-pada-nya pula. Ini berarti negeri ini akan sentiasa dalam kachau bilau dan rampas merampas kuasa, maka yang akan musnah dan sangsara ia-lah ra'ayat seluroh-nya, dengan itu berarti-lah ra'ayat jelata ini lari dari mulut buaya untok masok ka-rahang harimau Saudara2 dan tuan2 sakalian.

BUKAN IBLIS SAHAJA MASOK NERAKA BAHKAN.....

Telah benar-lah Amaran Allah, bahawa sesiapa merenchangkan keganasan dan kebinasaan dia sendiri-lah akan jatoh ka-dalam-nya. Telah benar-lah Amaran Allah, bahawa sesiapa membunoh jiwa dengan tidak berdosa maka dia sendiri akan mendapat 'azab sama ada di-dunia sebelom di-bakar di-dalam Neraka di-Akhirat kelak. Tetapi rupa-nya bukan IBLIS sahaja akan masok Neraka bahkan pengikut2-nya juga masok, ini berarti bukan penganjor penderhakan itu saja tetapi pengikut2-nya juga sama mendapat kemurkaan dan 'azab dari Allah, saperti yang tersebut di-dalam dua buah ayat suchi tadi, kerana dosa mereka membunoh manusia dan membinasakan negara.

Beberapa hari ini kita sakalian sama-sama telah melihat 'azab dunia yang sedang di-rasai oleh penderhaka2 Partai Ra'ayat itu. Ramai mereka telah terbunoh ada antara-nya mati tidak tahu di-mana kubor-nya. Ramai keluarga yang menchuchurkan ayer mata sesal dan kesedehan. Mana2 penderhaka yang maseh hidop, sebahagian besar-nya telah menyerah diri dan sedang meringkok di-dalam tahanan dan ramai lagi kalau maseh hidop, lari ka-hutan2 untok hidop chara liar dan sentiasa ketakutan akan di-buru Jan di tembak oleh pasokkan keselamatan. Kehidopan mereka yang aman, ma'amor, berperi kamanusiaan dan sejahtera telah mereka tukarkan dengan hidop di-dalam buruan dan ketakutan. Mereka ini-lah orang2 yang berhak atas mereka 'azab Allah atas perbuatan salah mereka sendiri. Ini-lah saudara2, perkara yang sedang terjadi sekarang di-dalam negeri ini.

Sekarang mari-lah saya jelaskan kapada saudara2 ra'ayat Brunei seluroh-nya ka-mana-kah Partai Ra'ayat telah memimpin dan membawa nasib ra'ayat.

Pada mula-nya Partai Ra'ayat ini berdasarkan Kebangsaan Ra'ayat Brunei. Siapa-kah ra'ayat Brunei? Azhari sendiri bukan ra'ayat Brunei, apa kurang-kah ra'ayat Brunei untok memimpin satu partai politik hingga Azhari telah diterima menjadi pemimpin?. Bila di-katakan ra'ayat Brunei orang2 terus mengerti ra'ayat ini ia-lah orang2 Melayu. Kedayan yang semua-nya berugama Islam dan termasok-lah buak2 Dusun, Belait, Iban dan lain2 yang mereka-itu sa-lama-nya terkenal puak2 yang ta'at dan rajin berusaha dengan aman damai, jadi ra'ayat seluroh-nya tentu-lah berharap2 pimpinan Partai Ra'ayat itu harus akan merupai chara Melayu. Chara Islam dan chara sopan sentun negara dan bangsa kita.

DALAM DIAM2 ORANG2 AZAHARI .....

Dalam diam2 komplot samsing dan orang2 Azhari telah merampas sadikit demi sadikit pimpinan Partai itu dan dengan bijak-nya ahli2 partai yang jujor dan berchita2 mendapat kemerdekaan dengan jalan aman dan jangka jauh yang sehat berpandu kapada kata2-hikmat: "Petik-lah buah itu bila chukop masak supaya lazat di-makan dan boleh di-buat Beneh yang baik" telah di-singkirkan dari Partai Ra'ayat.

Apa sudah jadi bila Partai Ra'ayat telah di-kuasai oleh komplot2 samsing dan bertujuan Udang di-Sebalik Batu itu? Pertama sekali mereka tubohkan badan2 pemuda di-pimpin oleh samsing2 di-kampong2 dan tempatan untok tujuan penderhakaan dengan jalan memujok dan mengugut pemuda2 yang kurang Ilmu dan kurang pengaaman supaya berjuang dengan senjata, kunun-nya untok menchapai Kemerdekaan. Mereka segera juga menghasut Oran.. Tua dan Baik2 di-kampong d.. Daerah2 menjadi topeng di-angkat sebagai Ketua2.

Apa-kah renchana kerja partai ra'ayat kapada ra'aya.. Mengutip wang wang dan wan.. bukan sahaja kapada ahli partai tetapi kapada orang2 lain termasok saudagar2 dengan ugutan halus. Pemuda2 dan orang ramai di-hasut untok membenchikan Kerajaan dan orang2 yang berkhidmat kapada Kerajaan.

KEMANAKAH PERGI-NYA WANG ITU?

Kemana-kah pergi-nya wang2 itu? Ha-nya Azhari dan Pengiring2-nya yang tahu. Tetapi orang2 di-Singapura dan Lain2 Bandar besar di-luar negeri t.. tahu kemana wang itu di-bela.. jakan oleh Azhari, sebab Hotel2 Besar dan Rumah2 Kesukaan di-kota2 Raya luar negeri ini dengan limpah-nya menerí hamburan wang Ra'ayat Bru.. oleh Azhari yang pemurah dan maha limpah itu. Kerajaan pernah pada satu masa lebeh 3 tahun dahulu memberi pinjam wang berjumlah ratusan ribu untok Azhari mendirikan satu tempat perusahaan ra'ayat, tetapi kunon-nya perusahaan itu tidak maju dan hingga sekarang ini satu sen pun wang yang di-beri pinjam itu t i d a k di-bayar kapada Kerajaan. Kalau dia tidak sanggop memajukan satu perusahaan yang bermodal ratusan ribu ringgit maka ada-kah di-terima 'akal dia boleh memajukan satu negara yang modal-nya jiwa ra'ayat dan kekayaan negara yang ratusan ribu juta ringgit?.

Sejak Partai Ra'ayat di-pimpin oleh Azhari dan samsing2-nya dia pun mula jadi orang kaya, kahwin sana sini dan mendirikan rumah2 batu di-dalam dan di-luar negeri tetapi gaji pekerja2 dalam kedai perusahaan-nya sentiasa tertahan, tak chukop dan kadang2 orang2 terpaksa berhenti atau di-ber-

(Lihat Muka 5)

Penderhaka2 Partai Ra'ayat Brunei Merasai 'Azab Dunia

(Dari Muka 4)

hentikan dari berkerja kapadanya. Dengan apa-kah Azhari memberi nafkah dan menyara hidop anak2 dan isteri2-nya itu? Saudara2 dan tauan2 sakalian boleh menjawab-nya sendiri.

Mari kita berbalek kapada ra'ayat, ra'ayat yang mengikut buta tuli kapada Partai Ra'ayat. Mereka ingin merdeka, mereka ingin menjadi satu bangsa yang mulia dan bahagia. Partai Ra'ayat telah menanam bibit ganas dan pembunohan sahaja-lah jalan bagi menchapai Kemerdekaan. Partai Ra'ayat tahu kalau mereka dapat kemerdekaan sedang ra'ayat dalam kejahilan dan bodoh, komplot2 samsing ini-lah kelak yang akan mentadbirkan negara arti-nya menyamun2 itu di-serahkan membahagikan harta. Akhirnya ra'ayat akan kechiwa, keamanan tidak terjamin, undang2 Ba[illegible]k ada lagi tetapi yang akan [illegible]nya siapa? Azhari dan komplot-nya. Sebalik-nya ra'ayat yang ta'at kapada kebenaran dan ugama, yang mengerti akan hakikat perjuangan ra'ayat dalam dunia baharu sekarang ini yang yakin kapada chara aman dan bijak dan perlembagaan telah menyokong Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

SIAPA-KAH YANG KAYA?

Pada masa Partai Ra'ayat bersorak bergempita dengan chogan2 kata yang besar2 dan [illegible]mbong2 dan mengutip wang [illegible]yat untok membesarkan lagi perut pemimpin2-nya, Ra'ayat2 yang insaf dan sadar dengan pimpinan Kerajaan Baginda Al[illegible]ltan telah berkerja diam2 [illegible]mbangunkan sebanyak2 sekolah ra'ayat, sekolah2 menengah dan tinggi dan menghantar beratus2 penuntut kita belajar di-Sekolah2 Tinggi dan Universiti2 luar negeri, melateh pegawai2 tadbir, membangunkan jalan2 raya, letrik, ayer, pusat2 kesehatan, memberi kemudahan2 wang dan lain2 bantuan kapada ra'ayat untok membuat dan membangunkan rumah2 dan perniagaan, membangunkan sekolah2 ugama, masjid2 dan surau2 tempat orang beribadah dan belajar, membersehkan anak2 sungai untok jadi jalan perulangan ra'ayat yang tinggal di-ulu2 dan melateh beribu2 pemuda lepasan sekolah rendah dan menengah berkerja dalam jabatan2 Kerajaan. Usaha2 Kerajaan ini boleh di-lihat oleh sakalian orang dan kemajuan negara telah dapat di-rasa sendiri oleh ra'ayat, dan ha-nya orang yang buta mata hati-nya sahaja-lah yang tidak mengaku hakikat ini. Dalam masa kurang dari 10 tahun negeri kita Brunei yang di-chintai ini sudah berubah menjadi sa-buah negeri yang morden, maju, aman, ma'amor dan di-kenali oleh dunia sebagai sa-buah negara yang Bahagia dan Negara Kebajikan Ra'ayat.

Memandang kejayaan yang amat chepat ini, ra'ayat telah mula akan terbuka mata kapada kebenaran maka Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memberi perlembagaan kapada ra'ayat dan satu perjanjian dengan Inggeris untok memerdekakan negeri Brunei telah di-persetujui. Kejadian2 ini tidak menyenangkan Azhari, kerana kalau ra'ayat telah cherdik tentu-lah dia tidak dapat lagi menipu mereka, lalu segera ia meranchangkan pemberontakaan dan penderhakaan.

AZAHARI TAKUT

Azhari takut kapada pembangunan negara dan takut kapada pemerentahan chara Demokrasi yang ber-Undang2 kerana dia tahu pemimpin saperti diri-nya yang menjadi Patong Luar itu akan tidak di-sukai dalam satu negeri yang aman dan berperlembagaan. Dia dan samsing2-nya tidak boleh berbuat sewinang2-nya dalam satu negeri yang Demokrasi.

Saudara2 dan ra'ayat sakalian, Partai2 politik dalam mana2 negeri yang berjuang untok memerdekakan negara, disamping menyusun tenaga ra'ayat untok tujuan mulia itu sentiasa menjalankan usaha2 memimpin ra'ayat ka-arah pembangunan hidop, ekonomi, pengetahuan dan perusahaan2 ra'ayat serta peri kemanusiaan. Manak-kah satu usaha ra'ayat yang di-pimpin oleh Partai Ra'ayat pada mendirikan sekolah2 atau tempat2 pelajaran ra'ayat, perniagaan, kilang2 perusahaan dan Derma Pelajaran untok anak2 ra'ayat melanjutkan pelajarana?

Mana-kah satu sekolah ugama atau surau atau tempat orang2 Islam mengembangkan ugama dalam negeri ini di-dirikan atas usaha atau anjoran Partai Ra'ayat? Mana-kah satu usaha yang di-buat oleh Partai Ra'ayat untok melatehkan pemuda2 pada jalan perusahaan dan perniagaan atau pembangunan negara? Mereka melupakan dalam renchana perjuangan mereka akan kerja mulia pada memberi kesedaran kapada ra'ayat yang masih jahil dengan jalan menggalakkan ra'ayat itu mengadakan sekolah2 atau kelas2 pelajaran dan mengajak ra'ayat taat kapada Allah dan membiasakan hidop chara kemanusiaan yang di-ridzai oleh Allah dan di-puji oleh dunia moden ini. Sebalik-nya mereka mengajar anak2 ra'ayat supaya melawan guru2, melawan ibubapa, melawan Kerajaan dan membunoh Sultan.

Nyata-lah sudah Partai Ra'ayat ini bukan lagi sa-buah partai politik yang sehat dan berfaedah kapada ra'ayat tetapi ia-lah satu partai samsing yang menghasut dan memfitnah ra'ayat supaya jadi anak2 durhaka, durhaka kapada bangsa dan ugama. Partai samsing ini berusaha keras menanam kesumbongan dan panatik yang bodoh ka-dalam jiwa pemuda2 dan ra'ayat yang asal-nya baik dan setia. Nyata-lah sudah Partai Ra'ayat ini tidak berani bertanggong jawab memimpin ra'ayat kapada chita2 mulia kita ia-itu Kemerdekaan dan Kebahagiaan kerana dasar partai sudah berubah dari chara sopan dan perlembagaan kapada chara samsing mengganas dan menumpahkan darah ia-itu politik orang yang sudah bingkrap modal-nya dan pendek fikiran-nya.

ALANG-KAH KEJAM-NYA PENDERHAKA2 ITU

Apa-kah guna-nya kemerdekaan jika tidak ada kebahagiaan? Apa-kah guna-nya merdeka jika ra'ayat sudah mati dan rumah-tangga hanchor dan peribadi kita yang mulia telah musnah oleh penderhakaan? Nyata-lah Azhari dan samsing2-nya mau membena mahaligai kebesaran dan kesenangan-nya di-atas gelimpangan mayat2 saudara2 ra'ayat sakalian. Jadi benar-kah Partai Ra'ayat sekarang ini satu Partai ra'ayat yang sehat dan bertujuan sehat? Jawapan-nya telah di-beri oleh Azhari sendiri dan samsing2-nya dengan menembak Istana Duli Yang Maha Mulia, menembak balai2 pulis negara dan membunoh orang2 yang chintakan aman damai di-seluroh negara ini pada malam Sabtu 8 Desember, 1962 ini. Selama tiga hari mereka merasa menang di-pekan2 Seria dan Belait, mereka telah memaksa anak muda, orang2 tua dan orang2 yang tidak berdosa turun dari rumah dengan tiada bersenjata beramai2 menentang tentera Kerajaan sedang mereka dengan senapang2 di-tangan ikut dari belakang maka ra'ayat yang tidak bersenjata itu-lah jadi perisai mereka. Alang-kah kejam perbuatan Partai Ra'ayat itu? Saudara2 sekalian, bila menyebut kekejaman penderhaka2 Partai Ra'ayat ini rasa-nya ternampak oleh saya pemerentahan Gurila Kominis Hutan yang berkuasa selama 14 hari di-Tanah Melayu waktu Jepun menyerah diri dan tentera Inggeris belom chukop ramai memulehkan keamanan di-negeri itu pada tahun 1945 dahulu. Masa 14 hari itu keluar-lah gurila2 itu dari hutan dan orang2 kominis pekerja2 boroh kasar, deriba2 texi pun di-angkat jadi Ketua2 Balai Pulis, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong. Penjual2 sayor dan peraih2 ikan segera menjadi Pegawai2 Daerah, dan tentera gurila kominis itu-pun berkeliaran-lah merampas, membunoh, merogol perempuan dan membinasakan siapa2 yang telah di-dendam mereka. Dalam masa 14 hari itu kominis membunoh beribu2 jiwa manusia yang tak berdosa. Maka kerana tidak tertahan memandang kedzaliman dan keganasan yang bukan chara manusia itu yang tidak ada sa-umpama-nya dalam zaman modern ini maka ra'ayat Tanah Melayu yang sabar, khas-nya bangsa Melayu, telah bengun beramai2 dengan apa2 sahaja senjata yang ada dalam tangan mereka menyerang kominis2 itu dan hujan darah mengalir sekali lagi membasahi bumi negeri Tanah Melayu itu, tetapi dengan persatuan ra'ayat yang taat ini-lah telah dapat memulihkan keamanan di-sana sahingga undang2 negeri kemudian-nya telah dapat di-kawal.

Saudara2 ra'ayat sakalian, maukah kita kembali ka-zaman kejahilan dan gelap gelita, zaman negeri di-perentah oleh samsing2 yang setiap masa mengancham jiwa dan harta-benda ra'ayat? Mau-kah saudara2 negeri kita yang sedang bangun dan maju dan aman ini di-serahkan ka-tangan Orang2 yang bodoh dan ganas itu? Orang2 yang telah menjudikan jiwa ra'ayat—bukan jiwa-nya sendiri—untok membeli kesenangan diri?

Shukor kapada Allah, bukanlah semua ra'ayat Brunei ini bodoh boleh di-chuchok hidong-nya oleh Penganjor Harimau berbulu kambing itu, dan Alhambulillah, anak Brunei dari pulis kita tidak membuang baka keperwiraan dan ta'at setia kapada Raja dan Negara.

INSAF-LAH

WAHAI.....

Insaf-lah saudara2, Pemimpin yang jahil, yang gelojoh, terburu2 nafsu dan tabi'at kasar itu tidak akan membawa kita kamana2 melainkan kapada kebinasaan dan kerugian yang amat besar. Rugi dalam politik, rugi dalam perjuangan, rugi dari serba perkara. Sabda Rasullullahi-sallallahu 'alaihi wa sallam: Jika di-serahkan pimpinan sesuatu kerja, sama ada besar atau kechil, kapada orang yang bukan ahli maka tunggu-lah sahaja sa'at kehanchoran. Partai Ra'ayat telah membuktikan pimpinan-nya yang ganas dan perchayakan keganasan maka Allah telah tidak menyokong gerakan dan usaha-nya dan penderhakaan yang di--jalankan-nya telah gagal sama sekali.

Orang2 yang dzalim, durhaka, tidak berperi kamanusiaan itu akan merasai 'akibah pekerjaan-nya sendiri dan kerana itu haram-lah sudah Partai Ra'ayat pimpinan Azhari dan samsing2-nya di-dalam Negeri Brunei Darus-salam yang chintakan aman dan kasejahteraan ini."

PERKHIDMATAN RADIO BRUNEI
Pada Masa Darurat Sedang Berkemonchak

Akhbar "Borneo Bulletin", dalam keluaran-nya pada 29 Desember, 1962 telah membidas Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, kerana katanya jabatan ini telah tidak menerbitkan siaran2 berkenaan dengan kejadian2 sa-lepas berlaku penderhakaan di-Negeri Brunei pada 8 Desember 1962. Sa-bagai Pengarah jabatan tersebut, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa beliau telah menerima bidasan tersebut dengan hati yang tenang dan beliau tidak berhajat hendak mengambil tindakan terhadap bidasan itu kerana beberapa orang pegawai Kerajaan dan pehak tentera kelak terlibat dalam perkara itu.

Kenyataan tersebut sa-lanjut-nya berbunyi bahawa keadaan2 telah kelam-kabut pada pagi 8 Desember. Jabatan Siaran Radio dan Penerangan telah berusaha memberi ma'lumat kapada orang ramai menerusi Radio Brunei pada 8 Desember, sa-baik sahaja kuasa elektrik yang telah di-binasakan oleh penderhaka2 pada awal2 pagi tersebut, telah dapat di-perbaikki.

Dalam siaran itu, Radio Brunei telah meminta kapada orang ramai supaya tenang dalam menghadapi penderhakaan yang baharu sahaja di-lancharkan itu.

Sunggoh pun orang ramai telah mempunyai keperchayaan terhadap Kerajaan dengan mendengarkan ketibaan askar2 Inggeris dan askar2 Gurkha pada lewat petang 8 Desember, perasaan untok membuat sabarang tindakan bagi memanaskan hati penderhaka2 itu dapat memberi bahaya.

Sunggoh pun askar2 Inggeris dan Gurkha telah tiba di-Brunei untok membantukan negeri ini pada lewat petang tersebut, akan tetapi sa-barang perlindongan telah tidak di-berikan kapada Bangunan Radio Brunei untok menjagai keselamatan, bukan sahaja keselamatan orang2 yang bekerja di-Radio Brunei, bahkan alat2 kelengkapan dalam bangunan itu juga.

Bagaimana pun, beberapa orang Gurkha telah di-hantarkan ka-Bangunan Radio Brunei pada pagi 10 Desember. Akan tetapi sa-kira-nya Radio Brunei telah menyiarkan berita2 mengkejikan perbuatan2 penderhaka2 dalam masa dua hari itu, sa-orang penderhaka yang bersenjata boleh menawan Bangunan Radio Brunei, masok ka-bilek siaran radio dan menjadikan Radio Brunei sa-bagai alat daayah penderhaka2 itu bagi meminta kapada orang ramai menyokong gerakan penderhaka2 itu.

Dengan kuasa Tuhan, perasaan yang tidak baik oleh penderhaka2 itu telah tidak masok dalam fikiran mereka untok menawan Bangunan Radio Brunei penoh dengan kelengkapan2 yang dapat membahayakan kapada orang ramai.

Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengeluarkan satu kenyata'an baharu2 ini berhubong dengan siaran akhbar "Borneo Bulletin" terhadap Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. Kenyata'an itu ada-lah di-siarkan di-muka ini dan di-muka sabelah.

Oleh kerana memikirkan perkara tersebut-lah maka perkhidmatan Radio Brunei telah mengambil tindakan bagi menjaga keselamatan Radio Brunei, yang pada masa itu-lah satu sahaja alat Kerajaan yang dapat di-gunakan bagi menghubongkan perpaduan di-antara Kerajaan dan orang ramai.

Dengan ketibaan askar2 Inggeris, maka pegawai2 tentera dan penasehat2 awam mereka telah menguasai pertadbiran negeri ini. Perentah berkurong pun telah di-ishtiharkan sa-lama dua puloh empat jam. Perentah itu telah di-longgarkan sa-lama dua jam pada pertamakali pada 11 Desember.

Sementara itu, pehak2 yang berkuasa tentera dan penasehat-nya telah menasehatkan kapada orang ramai bahawa hanya kawat2 yang sangat2 mustahak dan mesti di-hantarkan dengan segera sahaja akan dapat di-terima oleh Jabatan Talikom di-sini.

Kiriman surat2 dan barang2 dari Pejabat Pos telah terhenti kerana pejabat tersebut tidak di-buka.

Ketika membidas Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei kerana tidak mengeluarkan siaran2-nya, akhbar "Borneo Bulletin" itu telah membandingkan Perkhidmatan2 Penerangan Sarawak dan Perkhidmatan2 Penerangan Borneo Utara dengan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, dengan berkata bahawa perkhidmatan2 penerangan luar negeri itu telah menyiarkan semua perkara yang berlaku di-Brunei berkenaan dengan peristiwa2 penderhakaan itu.

Berita2 dari Radio Sarawak yang di-terbitkan oleh Perkhidmatan2 Penerangan Sarawak berkenaan dengan kejadian2 berhubong dengan penderhakaan itu ia-lah berita2 yang telah di-kirimkan oleh pehak2 yang berkuasa tentera di-Brunei ka-Kuching kerana mereka fikir tidak-lah perlu di-berikan berita2 itu kapada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan bahawa sa-lepas beliau membuat bantahan kapada pehak2 yang berkuasa tentera yang telah tidak memberikan berita2 berkenaan dengan peristiwa2 penderhakaan kapada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, baharu-lah pehak2 tentera memberikan berita2 itu kapada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei pada pertama kali, ia-itu pada 12 Desember.

Longgaran perentah berkurong untok sa-kejap masa dan kelihatan lebeh banyak askar di-bandar telah dapat memberi keperchayaan kapada orang ramai terhadap Kerajaan Brunei. Bagaimana pun, keadaan2 di-Brunei pada masa itu ada-lah lebeh burok dari Kuching atau pun Jesselton di-Borneo Utara. Pekerja2 di-Kuching dan di-Jesselton telah tidak dapat khuatir kapada askar2 sa-bagai mana keadaan di-Brunei, kerana askar2 di-sini menyangka bahawa semua pendudok di-sini di-shakki sa-bagai penderhaka2.

Perkara tersebut dapat-lah di-buktikan dengan tembakan tiga orang pekerja Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei yang di-antara-nya sa-orang telah mati dengan serta-merta. Sa-orang telah luka parah dan sa-orang lagi mendapat sa-dikit luka. Bagaimana pun pekerja2 Radjo Brunei yang sadikit bilangan itu telah terus menjalankan perkhidmatan mereka bagi meneruskan siaran Radio Brunei yang telah dapat menyiarkan siaran2 Kerajaan kapada orang ramai mengandongi berita2 dan ma'lumat2 yang sangat mustahak pada masa itu.

Akhbar tersebut juga ketika membidas Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, berkata bahawa pendudok2 di-Bandar Brunei telah dapat bergerak dengan bebas dan dapat pergi ka-Pejabat Pos serta ka-Jabatan Talikom. Tidak-lah guna membuat bohong. Sabagai mana yang di-katakan oleh Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dalam siaran di-atas ini berkenaan dengan perkara menghantarkan kawat2, hanya kawat2 yang mesti di-hantarkan dengan segera sahaja dan mustahak dapat di-terima oleh Jabatan Talikom untok di-kirimkan ka-luar negeri. Berkenaan dengan Jabatan Pos pula, jabatan itu telah di-tutop sa-lama beberapa hari.

Perjalanan2 dalam kawasan bandar sangat-lah marabahaya pada masa itu. Kawalan beberapa orang askar Gurkha kehendaki untok sa-orang ya[illegible] hendak pergi dari Bangunan Radio Brunei ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang tidak begitu jauh dari Bangun[illegible] Radio Brunei.

Oleh kerana keadaan tersebut berkenaan dengan perjalanan dalam bandar ini-lah yang telah menyebabkan kepayahan menyiarkan berita2 yang baik oleh Radio Brunei, yang sa-lain daripada menyiarkan siaran2 yang di-terbitkan oleh Kerajaan, Radio Brunei juga menyiarkan berita dari perkhidmatan Reuter menerusi alat "teleprinter". Pusat menerima berita siaran dari perkhidmatan Reuter itu letak-nya di-Bukit Salilah, jauh dari Bangunan Radio Brunei. Oleh kerana tidak [illegible] alat bagi menyambong Radio Brunei dengan Pusat Penerimaan berita Reuter itu untok mendapat-kan berita luar negeri itu dan juga dengan ketiadaan kawalan askar2 un[illegible] membawa pekerja Radio Brunei ka-pusat penerimaan berita tersebut sa-bagai mana keadaan biasa dengan menggunakan kereta2 berulang alek di-antara Bangunan Radio Brunei ka-Pusat tersebut, telah menyebabkan Radio Brunei tidak menyiarkan berita2 Reuter itu.

Berita2 berkenaan dengan penderhakaan oleh pemerhati2 dapat di-siarkan oleh Radio Brunei sa-bagai mana yang di-siarkan oleh Radio Sarawak yang telah dapat berita itu dari perkhidmatan Reuter, sa-kira-nya keadaan2 di-Bandar Brunei telah tidak membahayakan. Sa-orang pemberita Reuter ia-lah di-antara ramai pemberita2 yang telah di-bawa dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu oleh pehak2 yang berkuasa tentera untok mengambil berita2 berkenaan dengan penderhakaan.

Pemberita itu telah menghantarkan berita2 dari Brunei yang telah di-hantarkan dengan kawat oleh Jabatan Talikom ka-

(Lihat Muka 7)

Perkhidmatan Radio Brunei

(Dari Muka 6)

luar negeri. Berita2 itu pula kemudian-nya di-hantarkan ka-Brunei menerusi alat penerimaan berita Reuter untok kegunaan Radio Brunei, akan tetapi Radio Brunei telah tidak dapat menyiarkan berita2 itu sa-bagaimana yang telah diterangkan oleh Pengarah Siaran Radio dan Penerangan dalam siaran ini.

Bagaimana pun, Radio Brunei telah menjalankan perkhidmatan pada masa darurat sedang berkemunchak dan menyiarkan hanya berita2 serta pengumuman2 yang amat mustahak kapada Kerajaan dan ng ramai — dengan itu telah apat membuat perhubongan diantara Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan ra'ayat2 Baginda yang akhbar2 harian eh2 lagi akhbar mingguan perti "Borneo Bulletin" tidak dapat menyiarkan.

Borneo Bulletin telah tidak dapat berkhidmat kapada orang2 ramai dengan menyiarkan berita pada masa2 yang sangat di-kehendakki, kerana akhbar itu telah tidak dapat diterbitkan sa-bagai mana yang telah di-jadualkan pada 15 Desember, 1962 dan sa-kali lagi orang ramai di-Bandar Brunei telah tidak dapat menerima akhbar itu tepat pada 22 Desember yang telah di-jadualkan. Siaran akhbar itu pada 22 Desember ah di-terima di-Bandar nei beberapa hari kemudian.

Maka dengan hal yang sademikian, sudah-lah terang bahawa kalau-lah akhbar itu telah at di-terbitkan untok pengeran-nya pada 22 Desember akhbar itu telah tidak dapat diterbitkan pada tarikh yang telah di-tentukan dan dengan ini berma'na-lah bahawa sa-barang berita mengenai darurat yang di-kehandakki di-siarkan dengan segera untok pengetahuan orang ramai telah basi dan boleh jadi berita2 itu tidak dapat di-gunakan.

Kata-lah pula, sa-kira-nya Borneo Bulletin telah dapat disiarkan saperti biasa dan telah dapat di-terbitkan pada masa darurat sedang berkemonchak akan menjadi kerunsingan terhadap fikiran orang ramai untok menentukan ada-kah berita2 yang di-siarkan oleh akhbar itu betul atau pun berita2 yang disiarkan oleh Radio Brunei betul, kerana pada masa itu Radio Brunei telah menyiarkan berita2 yang lain, menyiarkan berita2 membatalkan siaran yang terdahulu itu atau pun merengkaskan berita2 yang sademikian.

Ketika membacha akhbar itu orang ramai kelak menyangka bahawa berita2 yang di-siarkannya itu betul belaka yang sabenar-nya berita2 itu telah pun di-batalkan atau pun di-perbaharui dalam berita2 yang disiarkan oleh Radio Brunei.

Dengan hal yang tersebut tidak-lah benar perkataan pengarang akhbar itu bahawa akhbar itu dapat berkhidmat dengan lebeh baik lagi kapada orang ramai kalau Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei telah menerbitkan berita2 dan pengumuman2 untok ia menyiarkan dalam akhbar-nya itu.

Memikirkan bahawa akhbar itu di-terbitkan sa-minggu sakali dan naskhah-nya yang diterbitkan itu sadikit sahaja untok bachaan orang ramai di-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara — lebeh2 lagi orang2 yang berbahasa Melayu lebeh banyak lagi daripada bahasa2 lain di-Negeri Brunei, akhbar itu telah tidak dapat berkhidmat dengan sa-penohnya kapada orang ramai, sabagai mana perkhidmatan Radio Brunei.

Berhubong dengan hal2 yang tersebut, Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan bahawa segala bidasan akhbar "Borneo Bulletin" itu kapada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, dan kapada jabatan2 Kerajaan yang lain serta bidasan2 terhadap jawatan2 kuasa Kerajaan dan surohan2 jaya dalam siaran akhbar itu pada 29 Desember, 1962 ia-lah sindiran2 yang telah di-buat oleh sa-orang yang telah menjadi bijak sa-lepas berlaku penderhakaan di-negeri ini.

Kebenchian akhbar itu terhadap sa-barang perkara yang telah di-buat atau di-chadangkan oleh Kerajaan Brunei dan terutama sa-kali oleh Jabatan Siaran Radio dam Penerangan, Brunei tidak-lah guna diterangkan satu per s a t u. Akhbar itu atau lebeh tepat lagi pengarang-nya telah tidak pernah gemar bahawa Pertadbiran Negeri Brunei ia-itu sabuah pertadbiran yang muda akan dapat menerima bidasan2 yang ikhlas sakira-nya bidasan2 itu ia-lah untok pembenaan.

Akhbar itu telah tidak memberi peluang kapada pertadbiran negeri ini melaksanakan bidasan2 itu sa-kira-nya bidasan2 yang di-buat oleh-nya ia-lah bidasan untok pembenaan, sabalek-nya akhbar itu telah sentiasa membidas pertadbiran negeri ini.

Sa-balek-nya, Kerajaan negeri ini yang menghormat dasar kebebasan akhbar, telah membenarkan akhbar itu menggertakkan membidas dan mencherchakan-nya.

Sudah-lah tiba masa-nya untok di-ambil tindakan2 yang keras terhadap akhbar itu daripada mengulangkan lagi bidasan2-nya.

Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei kemudiannya telah manarek perhatian terhadap sa-buah gambar yang telah di-siarkan oleh akhbar Borneo Bulletin dalam siaran-nya pada 5 January, 1963 dimuka 12 yang menunjokkan bendera Union Jack berkibar dari sabuah tingkap ibu pejabat Partai Ra'ayat Brunei yang telah diharamkan itu di-Bandar Brunei. Sa-orang pengarang yang telah membanggakan diri-nya dalam ruangan akhbar-nya bahawa ia telah menjadi sa-orang pekerja radio dan juga sa-orang pekerja jabatan penerangan mesti-lah mempunyai pengadilan yang lebeh baik daripada menggunakan gambar yang terma'lom dalam siaran akhbar-nya pada masa sedang berlaku pergolakan politik di-benua Asia.

Berkenaan dengan siaran gambar tersebut pula, satu da'ayah menentang Kerajaan dapat di-lakukan dengan senang sahaja dan menyokong tuntutan Azahari di-Manila bahawa pehak Inggeris telah mendudoki Brunei atau pun telah mena'loki Brunei dengan kelihatan sabuah bendira Union Jack. Gambar itu akan lebeh2 lagi mempengarohi orang ramai kerana k o n o n - n y a di-siarkan "Gambar Perkhidmatan Penerangan Brunei." Apa yang Azahari kelak membuat it-lah mendapatkan beberapa buah naskhah Borneo Bulletin bertarikh 5 January dan menunjokkan gambar dalam akhbar itu kapada akhbar2 di-Philipina sa-bagai menyokong tuntutan-nya ia-itu orang2 Inggeris telah mendudoki Brunei dan dengan hal itu dapat-lah Azahari memperolehi sokongan dan timbang rasa terhadap ranchangan-nya itu.

Kalau-lah perkara tersebut berlaku, maka chabaran itu hendak-lah di-pikul bersama diatas bahu2 Borneo Bulletin, pengarang-nya serta penerbit dan penchetak-nya, Brunei Press.

Akan tetapi, nasib baik gambar itu bukan di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. Jurugambar jabatan ini tidak pernah mengambil gambar itu. Ia tidak kelihatan dalam masa darurat mulai berlaku ketika beberapa helai bendira Union Jack kelihatan di-kibarkan dalam Bandar Brunei, sa-bagai tanda terhutang budi kapada tentera2 Inggeris yang telah di-datangkan ka-Brunei untok memusnahkan penderhakaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa dengan menyiarkan gambar tersebut yang di-katakan kepunyaan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei pangarang akhbar Borneo Bulletin itu bukan sahaja memutuskan perhubongan dengan jabatan ini, bahkan akhbar itu telah juga membabit Kerajaan Brunei dalam kachau-bilau politik.

Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei mengakhiri kenyataan tersebut dengan berkata bahawa sebab pun yang beliau menyebut gambar yang terma'lom ia-lah untok menunjokkan bahawa Brunei Press telah mengajikan sa-orang pengarang yang sentiasa membuat chabaran terhadap Kerajaan negeri ini.

Ranchangan pengarang akhbar tersebut membidas Kerajaan Brunei sa-kian lama telah di-biarkan begitu sahaja. Ia juga tidak mengenangkan jasa baik Kerajaan Brunei terhadap Brunei Press meskipun kira2 sajuta ringgit pada tiap2 tahun dibayar oleh Kerajaan berkenaan dengan perchetakan barang2 Kerajaan kapada Brunei Press, ia-itu penerbit dan penchetak Borneo Bulletin.

KERJASAMA ORANG RAMAI DI-KEHENDAKKI

Beri-lah Ma'lumat kapada Kerajaan Berkenaan Dengan Saki-Baki Penderhaka2

Hadiah2 Bagi Rahsia Dan Senjata2 Api

1. Kerajaan Negeri Brunei telah menawarkan hadiah2 bagi rahsia2 saperti berikut:—

(a) Rahsia2 yang membolehkan di-tangkap atau di-tawan sa-orang ketua atau ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara oleh Pasokan Keselamatan atau Pulis.

(b) Rahsia2 bagi mendapatkan senjata2 api, peluru2 senapang atau ubat2 letopan.

Hadiah2 ini hanya di-khaskan kapada orang2 awam sahaja. Ahli2 Pasokan Keselamatan atau pun pegawai2 Kerajaan yang bergaji bulan tidak boleh mendapat-nya.

TINGKATAN HADIAH RAHSIA UNTOK MENANGKAP ATAU MENAWAN PENDERHAKA

2. Banyak-nya hadiah2 untok rahsia yang membolehkan di-tangkap atau di-tawan sa-orang Ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara ia-lah:—

(a) $5,000.00 bagi sa-orang ketua penderhaka.

(b) Sahingga $1,000.00 bagi sa-orang yang lain yang telah menderhaka dan sedang bebas.

TINGKATAN HADIAH RAHSIA BAGI MENDAPATKAN SENJATA2 API ATAU PELURU

3. Banyak-nya hadiah2 bagi rahsia untok mendapatkan senjata2 api, peluru2 atau ubat2 letopan ia-lah:—

(a)	Machine Gun, Bren Gun, Carbine, Sten Gun dan lain2	$1,000.00
(b)	Senapang Rifle dan jenis2 pistol	$ 500.00
(c)	Bom Tangan bagi tiap2 sa-biji	$ 500.00
(d)	Senapang Patah	$150.00 hingga $ 300.00 mengikut keadaan-nya
(e)	Tiap2 sa-biji Bom atau pun letopan2	$ 100.00
(f)	Tiap2 sa-biji peluru	50 Sen

HADIAH2 TAMBAHAN

4. Hadiah2 akan di-tambah sekira-nya sa-orang awam bersusah payah bertugas bersama2 membantu atau memandu Pasokan Keselamatan atau Pulis bila mereka itu menyelidek atau mengikut rahsia2 yang telah di-beri sahingga berjaya.

KESELAMATAN ORANG2 YANG TELAH MEMBERI RAHSIA

5. Orang2 yang memberikan rahsia akan di-lindongkan untok keselamatan-nya. Oleh itu rahsia2 yang di-sampaikan oleh orang2 awam hendak-lah:—

(a) Di-masokkan dalam sarong surat dan di-alamatkan kapada Peti Surat No. 5,000, dan

(b) Di-masokkan ka-dalam Peti Surat saperti berikut:—

Brunei; Seria; Belait; Temburong dan Tutong.

Semua-nya surat2 yang beralamat kapada Peti Surat No. 5,000 akan di-simpan di-dalam Peti Surat yang berkunchi dan di-bawa daripada Pejabat Pos terus kapada Pesuroh Jaya Pulis di-Bandar Brunei.

Pesuroh Jaya Pulis sendiri yang akan membuka semua surat2 itu, dan dia sendiri akan mengambil tindakan atas rahsia2 itu dengan tidak memberitahu nama orang2 yang menyampaikan-nya. Hadiah2 akan di-berikan dengan chara rahsia.

Ini-lah dua pemandangan di-ibu kota Brunei pada masa perentah berkurong di-longgarkan pada pertama kali sa-lepas berlaku penderhakaan oleh anggota2 "Tentera Nasional Kalimantan Utara" dalam bulan Desember 1962. Gambar di-sabelah kiri ia-lah satu pemandangan di-sa-buah "jerayah", manakala gambar di-kanan pula ia-lah satu pemandangan di-Kawasan "Tambing" dan Tambatan Kastam Di-Raja.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Light Press, Brunei.